

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN & BORANG PERMOHONAN

KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB

Sila Maklum:

- a. Maklumat di bawah adalah untuk membantu anda.
- b. Sila baca dengan teliti maklumat di bawah sebelum melengkapkan borang permohonan
- c. Anda dikehendaki meneliti dan mematuhi SETIAP terma dan syarat yang dinyatakan.
- d. Kegagalan melengkapkan maklumat akan menyebabkan kelewatan pemprosesan permohonan.
- e. Majlis Perubatan Malaysia tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kelewatan jika permohonan tidak mengikut syarat dan maklumat yang diperlukan.

1. Mengikut **Akta Perubatan 1971**, pengamal perubatan perlu **berdaftar** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) untuk mengamal perubatan di Malaysia;
2. Selaras dengan peruntukkan **seksyen 40 Akta Perubatan 1971**, anda dikehendaki melaksanakan **KHIDMAT WAJIB sebaik sahaja diberikan Pendaftaran Penuh** di dalam perkhidmatan awam selama tempoh **Tidak Kurang dari TIGA Tahun** secara **BERTERUSAN**.
3. Walau pun **Artikel 132** Perlembagaan Persekutuan menetapkan agensi kerajaan sebagai perkhidmatan awam, namun **Seksyen 41 Akta Perubatan 1971** memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) untuk menentukan perkhidmatan awam yang boleh diambilkira dan diterima bagi seseorang pengamal berdaftar melengkapkan khidmat wajibnya. Ekoran kekurangan pengamal di dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pada masa ini KPK hanya *mengambilkira* perkhidmatan **di dalam KKM** bagi tujuan tersebut.
4. Justeru, adalah menjadi satu kesalahan di bawah (**seksyen 40(2) Akta Perubatan 1971**) jika seseorang pengamal yang berdaftar penuh tidak mematuhi kehendak tersebut. Jika sabit, Pendaftar Pengamal Perubatan boleh membatalkan pendaftaran pengamal tersebut dari Buku Daftar selaras dengan peruntukkan di bawah (**seksyen 40(3) Akta Perubatan 1971**).
5. Walau bagaimanapun, **seksyen 42 Akta Perubatan 1971** memberi kuasa kepada YB Menteri Kesihatan untuk *mengurang*, *mengecuali* atau *menangguh* tempoh perkhidmatan wajib anda.
6. Untuk mengelakkan dari melakukan kesalahan, jika anda tidak boleh atau bercadang untuk tidak menyempurnakan Perkhidmatan Wajib setelah diberikan Perakuan Pendaftaran Penuh, anda boleh memohon:
 - a. *pengurangan, pengecualian* atau *penangguhan* dari YB Menteri Kesihatan; atau
 - b. *mengambilkira* perkhidmatan wajib di sektor awam lain bagi tujuan memenuhi kehendak perundangan. Dari KPK

7. Syarat kelayakan:

a. **Pengurangan** dan **pengecualian**:

Pengurangan dan **pengecualian** kebiasaannya diberikan kepada pengamal yang telah berkhidmat untuk tempoh masa tertentu di dalam sektor awam atau melebihi usia tertentu.

*** Sila sertakan pengesahan perkhidmatan disektor awam**

b. **Penangguhan**:

Secara umum, **penangguhan** diberikan kepada pengamal yang hendak meninggalkan sektor awam sebelum tamat tempoh 3 tahun.

Pengamal perubatan (tanpa kepakaran) yang ingin melengkapkan khidmat wajib di dalam bidang akademik perlu memohon **penangguhan**. Kebiasaannya YB Menteri Kesihatan meluluskan permohonan sebegini.

*** Sila sertakan surat tawaran melanjutkan pelajaran**

c. **Mengambilkira**:

Kepada pengamal yang mempunyai kepakaran dan ingin berkhidmat di sector akademik, mereka boleh memohon untuk '**consideration**' dari Ketua Pengarah Kesihatan. Kebiasaannya, kepada sesiapa yang dipertimbangkan atau di naikan pangkat ke agensi awam yang lain juga boleh memohon untuk '**consideration**'.

Walaubagaimanapun, bagi pengamal yang telah memohon dan diberikan **penangguhan** oleh YB Menteri Kesihatan layak memohon untuk **mengambilkira** untuk dikebelakangkan tarikh. Kepada mereka yang tidak pernah memohon untuk **penangguhan** akan dipertimbangkan untuk **mengambilkira** dari tarikh permohonan.

*** Sila sertakan pengesahan lulus pengajian sarjana/kepakaran, pujian atau kenaikan pangkat sebagai bukti.**

8. Walau bagaimana pun, sila ambil maklum:

a. SEMUA keistimewaan/kelonggaran ini hanya boleh dipertimbangkan sekiranya permohonan anda dibuat sewajarnya dan bersesuaian masanya;

b. Permohonan **ambilkira hanya** boleh dipertimbangkan secara **prospektif** dan bukannya **retrospektif**;

c. Permohonan untuk **ambilkira** akan dipertimbangkan secara **retrospektif** jika anda telah diluluskan **penangguhan** oleh YB Menteri Kesihatan.

d. Mereka yang telah diluluskan **penangguhan tidak** dibenarkan mengamal di sektor swasta semasa tempoh tersebut.

9. Bagi warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara dan ingin pulang berkhidmat di Malaysia, mereka layak untuk diberikan **pengecualian** jika memenuhi syarat-syarat berikut:

a. **Jika anda berumur 45 tahun dan ke bawah:**

- Mempunyai kepakaran yang jarang terdapat di Malaysia yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib; atau
- Bercadang untuk berkhidmat sebagai pensyarah di institusi pengajian perubatan sektor awam atau swasta.

b. **Jika anda berumur 45 tahun dan ke atas:**

- Anda layak untuk diberikan *pengecualian* tanpa mengira samada mempunyai kepakaran atau tidak.

10. Jika anda layak untuk diberikan keistimewaan pengecualian sebagaimana **perenggan 9** di atas, sila gunakan borang permohonan yang terdapat di dalam **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 12/04: Kelonggaran Khidmat Wajib Bagi Menggalakkan Warganegara Malaysia Pulang**. (Di bawah 'Relevant Circulars')
11. Sila lengkap borang permohonan dalam **HURUF BESAR** dan pastikan semua ruangan bertanda * dilengkapkan.
12. Anda di nasihatkan menyimpan salinan dokumen yang di hantar untuk semakan dan rujukan.
13. Permohonan anda mengambil masa **4 (EMPAT)** minggu untuk diproses bermula dari tarikh penerimaan.
14. Sila hantar permohonan ini kepada:

***Pendaftar Pengamal Perubatan,
Majlis Perubatan Malaysia,
Aras 2, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 PUTRAJAYA.***
15. Permohonan boleh dikemukakan secara peribadi atau melalui pos, faks dan/atau e-mail;
16. Sebaik permohonan anda diterima, anda akan dimaklumkan. Anda dinasihatkan untuk memberi maklumbalas dengan kadar segera kepada surat kuiri kami, sekiranya ada.
17. Sila pastikan semua salinan disahkan menurut **Garis panduan Pengesahan Dokumen**.
18. Jika nama anda di dalam ijazah dan kad pengenalan/pasport berbeza, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah.
19. Sekiranya dokumen asal tidak di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, anda perlu mengemukakan terjemahan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris bersama dokumen asal. Dokumen terjemahan hanya akan diterima sekiranya diterjemahkan oleh Penterjemah yang layak atau Pegawai dari Kedutaan
20. Sila simpan salinan permohonan bagi rujukan di masa depan.
21. Demi mengelakkan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan dibawah **Akta Perubatan 1971**, KPK akan menentukan jenis kelonggaran khidmat wajib yang sesuai dan layak untuk anda.

22. Keputusan akan dihantar secara pos. Anda boleh mengambilnya sendiri di pejabat kami. Jika anda ingin mewakilkan orang lain mengambil bagi pihak anda, sila maklumkan di dalam borang permohonan dan sertakan surat kuasa membenarkan orang tersebut mengambil bagi pihak anda.
23. Sila **hubungi kami** sekiranya anda:
- Tidak dimaklumkan apabila permohonan anda di terima/hantar;
 - tidak mendapat sebarang maklumbalas selepas tempoh proses permohonan tamat; dan/atau
 - memerlukan sebarang bantuan atau mempunyai pertanyaan.

Kerjasama anda amat dihargai, Terima Kasih.

Yang Benar,



DR. HJ. WAN MAZLAN BIN HJ. MOHAMED WOJDY,
Setiausaha.

Tarikh: **14 September 2008.**

Semakan :

Pertama: **18 Disember 2008.**

Kedua : **11 Jun 2009.**

BORANG PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB

1. **Nama***.....
2. **No. Kad Pengenalan***.....
3. **Alamat tempat tinggal:**.....
.....
Surat menyurat*.....
.....
4. **No. Tel: Bimbit*** :-..... **Rumah** : -
- Pejabat*** :-..... (DL)-..... Samb.
- Faks** :-..... **Email:**
5. **Pendaftaran Penuh***: No. Tarikh:/...../.....
6. **Tarikh Mula Khidmat Wajib***:/...../.....
7. **Tarikh lengkap Khidmat Wajib***:/...../.....
8. **Jenis permohonan Khidmat Wajib (di bawah Akta Perubatan 1971)*:**
(Sila pilih satu dengan menandakan ✓ di dalam kurungan dibawah).
 - a. () – *mengambil kira* perkhidmatan di agensi kerajaan lain sebagai melengkapkan khidmat wajib menurut seksyen 40(4)(b);
 - b. () – *Penangguhan* menurut seksyen 42(1) untuk tempoh tahun;
 - c. () – *Pengecualian* menurut seksyen 42(1); atau
 - d. () - *Pengurangan* menurut seksyen 42(1).
9. **Sebab / Alasan Memohon***:
 - a.
 - b.
 - c.
10. **Adakah anda mempunyai dokumen sokongan?** **YA/TIDAK**
Jika ada, sila senaraikan di bawah dan kepilkan dokumen yang disahkan.
 - a.
 - b.
 - c.

Tandatangan*:

Tarikh*:/...../.....

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGESAHAN DOKUMEN

Sila ambil perhatian:

- a. Maklumat ini disediakan khusus bagi membantu anda.
- b. Sila baca setiap maklumat berikut dengan teliti sebelum melengkapkan borang permohonan.
- c. Sila patuhi sepenuhnya **SETIAP** terma dan syarat yang digariskan.
- d. Kegagalan melengkapkan dokumen dengan sempurna akan menyebabkan permohonan anda lewat diproses.
- e. Majlis Perubatan Malaysia tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kelewatan ekoran ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan.

1. Garispanduan Pengesahan Dokumen adalah untuk memastikan bahawa setiap dokumen yang dikemukakan oleh pengamal adalah asli dan pegamal tersebut merupakan pemilik yang sebenar.
2. Setiap salinan pendua dokumen dianggap **sempurna** pengesahan dan diterima pakai oleh Majlis Perubatan Malaysia jika ia mengandungi ciri-ciri berikut:
 - 2.1 Salinan dokumen **perlu** ditandatangani oleh individu yang memegang jawatan berikut:
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
 - b. Peguambela dan Peguamcara;
 - c. Pesuruhjaya Sumpah;
 - d. *Notary Public*;
 - e. Pegawai Kedutaan atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia diluar negara Kumpulan Pengurusan dan Profesional; atau
 - f. Jaksa Pendamai.
 - 2.2 Pengesahan perlu dibuat pada **SETIAP MUKA SURAT** dokumen yang dikemukakan.
 - 2.3 **SETIAP** salinan pendua dokumen yang disahkan **perlu** mengandungi butiran-butiran berikut:
 - a. Nama penuh pengesah;
 - b. Jika pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM), Nombor Pendaftaran Penuh MPM;
 - c. Jawatan pengesah;
 - d. Alamat lengkap pengesah;
 - e. Butiran pengesahan seperti nama, jawatan dan alamat pengesah yang **dicop**;
 - f. Pengesah mestilah menurunkan **tandatangan penuh** dan bukannya tandatangan ringkas atau *initial*; dan
 - 2.4 Dokumen yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah perlu disertai cop mohor atau lakri sebagaimana Peraturan 19, Peraturan Pesuruhjaya Sumpah 1993 dibawah *Courts of Judicature Act 1964*.
3. **Contoh** pengesahan dokumen **lengkap dan diterima** adalah seperti berikut:

Salinan Diakui Sah,



Dr. Ahmad bin Muhammad,
No. Pendaftaran Penuh MPM 27666
Pakar Kesihatan Keluarga,
Klinik Kesihatan Putrajaya,
62250 PUTRAJAYA
W.P. PUTRAJAYA.

Tandatangan Pengesah

Nama Penuh Pengesah

No. Pendaftaran Penuh MPM

Jawatan Pengesah

Semua butiran ini hendaklah dicop

Alamat lengkap tempat bertugas

4. Jika nama anda di dalam ijazah dan kad pengenalan/pasport berbeza, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah.
5. Sekiranya dokumen asal bukan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, anda perlu mengemukakan versi terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris berserta salinan dokumen asal yang telah disahkan. Dokumen terjemahan hanya akan diterima sekiranya diterjemahkan oleh penterjemah yang berkelayakan atau pegawai dari kedutaan yang berkenaan.
6. Mana-mana pengesahan salinan pendua dokumen yang tidak mematuhi perenggan garis panduan. akan dianggap sebagai **TIDAK SAH** dan **DITOLAK**.
7. Pengesahan salinan pendua dokumen juga akan dianggap **TIDAK SAH** dan **DITOLAK** jika:
 - a. Pengesahan dilakukan oleh individu atas dasar 'bagi pihak' pengesah tanpa maklumatnya sendiri;
 - b. Tandatangan tidak seragam atau berbeza diantara salinan pendua dokumen-dokumen yang ditandatangani oleh individu yang sama.
8. Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila **hubungi kami**.

Kerjasama anda amat dihargai.

Sekian. Terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya Yang Menurut Perintah,



Dr. Hj. Wan Mazlan bin Hj. Mohamed Woojdy,
Setiausaha.

Tarikh: 14 September 2008.

Semakan :

Pertama: 18 Disember 2008.

Kedua : 11 Jun 2009.